



PEJABAT DAERAH DAN TANAH,
DAERAH BARAT DAYA,
11000 BALIK PULAU,
PULAU PINANG.


Tel : 04-8689 400
Faks : 04-8661 593

Ruj. Kami : Bil (31) dlm PDBD/PRP/148(Jld.11)
Tarikh : 15 Julai 2021

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
BAGI TUJUAN MENYEWAWA GERAI DI PERMATANG DAMAR LAUT
DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG

1. Tawaran adalah dibuka kepada mana-mana individu, pertubuhan/persatuan yang berkelayakan dan berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia atau koperasi yang berkelayakan dan berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang beralamat di Daerah Barat Daya, Pulau Pinang sahaja yang layak untuk menyertai tawaran ini.
2. Mana-mana individu, pertubuhan/persatuan atau koperasi yang berminat untuk membuat permohonan, bolehlah mendapatkan **Borang Permohonan Penyewaan Gerai di Bahagian Pembangunan, Pejabat Daerah dan Tanah, Daerah Barat Daya**. Borang yang telah lengkap diisi haruslah dikembalikan kepada Urus Setia **sebelum atau pada 23 Julai 2021 (Jumaat)** untuk tindakan lanjut.
3. Sila pastikan setiap borang permohonan yang dihantar haruslah dilengkapi dengan dokumen-dokumen sokongan yang diperlukan dan juga pengesahan daripada Pengerusi MPKK kawasan yang berkenaan. Pemohon juga diminta melengkapkan '**LAMPIRAN A**' dengan mencadangkan jenis perniagaan ke atas gerai yang ingin dipohon.
4. Kegagalan mengemukakan dokumen-dokumen sokongan akan menyebabkan permohonan tersebut ditolak dan tidak akan diproses.
5. Jawatankuasa Penilai yang telah dilantik akan menilai setiap permohonan yang diterima dan pihak Urus Setia akan memaklumkan sebarang keputusan kepada pemohon yang berjaya. Sebarang pertanyaan, sila hubungi **Cik Sarina bt. Omar di talian 04-8689 406**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.


(ROSLI BIN HASSAN)
Ketua Penolong Pegawai Daerah (P)
b.p Pegawai Daerah
Daerah Barat Daya
PULAU PINANG



PEJABAT DAERAH DAN TANAH,
DAERAH BARAT DAYA,
11000 BALIK PULAU,
PULAU PINANG.

Ruj. Kami : Bil (31) dlm PDBD/PRP/148(Jld.11)
Tarikh : 15 Julai 2021

REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
BAGI TUJUAN MENYEWAWA GERAI DI PERMATANG DAMAR LAUT
DAERAH BARAT DAYA, PULAU PINANG

JENIS PERNIAGAAN YANG DICADANGKAN
(cth : makanan, minuman, pakaian, dll)

Dokumen-dokumen sokongan yang perlu disertakan adalah seperti berikut (sepertimana yang terkandung dalam Borang Permohonan Penyewaan Gerai) :

1. Satu (1) salinan Kad Pengenalan Pemohon.
2. Sekeping gambar berukuran pasport (*lekatkan di muka depan bahagian atas borang*).
3. Satu (1) salinan Sijil Perakuan Pendaftaran Perniagaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

CATATAN :

**** bagi pertubuhan/persatuan sila kemukakan Sijil Pendaftaran Pertubuhan (ROS) di bawah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.**

**** Manakala, bagi koperasi, sila sertakan sijil Pendaftaran Koperasi di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).**